

11/01/2003

Dua puak pilih calon (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Dua puak yang bertelagah dalam MCA dikatakan sudah mempunyai nama calon bagi menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik jika Menteri Pengangkutan itu benar-benar berundur daripada Kabinet, untuk diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sejak pengumuman Dr Ling untuk meletak jawatan Selasa lalu, kedua-dua pasukan dalam MCA itu kerap mengadakan pertemuan secara berasingan hingga larut malam, dengan masing-masing dikatakan merangka pelan tersendiri.

Team B yang diketuai Timbalan Presidennya, Datuk Seri Lim Ah Lek dikatakan akan mencadang nama Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy bagi mengisi kekosongan kuota menteri penuh bagi MCA itu.

Sumber kumpulan itu berkata, inilah masanya Dr Ling menunaikan janji yang dibuatnya selepas mesyuarat agung parti pada 1996 bahawa Chan akan dicadang menjadi menteri penuh jika ada kekosongan.

Satu lagi pilihan ialah mencadangkan nama Ah Lek sendiri untuk mengganti Dr Ling dalam Kabinet dengan melantik bekas Menteri Sumber Manusia itu sebagai senator kerana beliau bukan lagi Ahli Parlimen.

Menurut sumber itu, selain pada 1996, Dr Ling pernah menyebut nama Chan untuk mengisi kekosongan kuota MCA, tetapi nama Datuk Seri Ong Ka Ting dikemukakan untuk rombakan 1999.

"Inilah punca keretakan dalam MCA. Oleh itu, pelantikan Chan sudah pasti membantu meredakan pertelingkahan dalam MCA, sekurang-kurangnya sebelum perhimpunan agung parti 2005," kata sumber itu.

Team A yang diketuai Dr Ling pula dikatakan mahu Setiausaha Agungnya, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh atau Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung yang juga ahli jawatankuasa pusat (CC) MCA sebagai ganti Dr Ling.

"Kumpulan dalam Team B percaya Dr Mahathir akhirnya akan menerima surat peletakan jawatan Dr Ling kerana kenyataan Perdana Menteri Rabu lalu cuma menyatakan bahawa beliau belum membuat keputusan sama ada menerima atau menolak kehendak Presiden MCA itu.

"Sebaliknya, Team A percaya Perdana Menteri sekali lagi menolak hasrat Dr Ling dan kenyataannya Rabu lalu jelas menyatakan `penolakan' itu. Namun, mereka turut membuat `pelan kecemasan' jika Dr Mahathir akhirnya terpaksa menerima peletakan jawatan itu," kata sumber itu lagi.

Sumber itu bagaimanapun berkata, kedua-dua puak dalam MCA itu akur kepada hak mutlak Perdana Menteri sama ada untuk menerima atau menolak kehendak Dr Ling. Mereka akur andainya Dr Mahathir membiarkan kekosongan jawatan Menteri Pengangkutan buat beberapa ketika jika Dr Ling berundur.

Sementara itu, Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting ketika dihubungi menafikan kumpulannya ada mengadakan pertemuan bagi merangka Beliau juga menyifatkan khabar angin kononnya menteri MCA yang menyokong Dr Ling akan meletak jawatan beramai-ramai jika presiden parti itu dibenar meletak jawatan daripada Kabinet, sebagai sengaja untuk melemahkan parti.

"Perdana Menteri sudah menyatakan bahawa beliau menolak hasrat Dr Ling. Tumpuan kita sekarang ialah untuk menyatupadukan MCA supaya jangan ada lagi Team A dan B," katanya.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Kiat (Team B) pula berkata, mungkin Dr Ling ada calon tersendiri untuk menggantikannya dalam Kabinet yang tidak diketahui oleh mereka dalam parti.

"Ketika Dr Ling menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri (Ogos lalu) pun kita tidak tahu. Yang kita tahu, beliau pernah

janji untuk mencadangkan nama Datuk Chan sebagai menteri penuh," katanya.

Sumber lain dalam Team A menegaskan, adalah menjadi hak Presiden MCA untuk mengemukakan nama penggantinya dalam Kabinet seandainya ada kekosongan tanpa perlu merujuk kepada orang nombor dua dalam parti atau jawatankuasa pusatnya (CC).

"Ini bermakna Dr Ling masih berkuasa untuk menentukan nama calon dan sudah pasti Dr Ting menjadi pilihan utama," katanya.

Tetapi sumber Team B menegaskan, perbalahan dalam parti akan menjadi lebih teruk jika presiden tidak membincangkan nama orang yang dicadangkan itu bersama pemimpin kanan lain.

Ong pula berkata, perkara itu tidak boleh dilakukan secara terbuka oleh presiden kerana ia bakal mengundang lobi-melobi dan kerana itu, biarlah presiden parti menggunakan caranya yang tersendiri.

Dr Ling dan Ah Lek bersama pengikut masing-masing dijangka menghadiri majlis peletakan batu asas kampus utama Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) oleh Dr Mahathir di Kampar, esok.

Sumber Team B tidak menolak kemungkinan penyokong Dr Ling membawa sepanduk meminta Perdana Menteri menolak surat peletakan jawatan Menteri Pengangkutan itu `sebagai satu lagi lakonan' Dr Ling.

Ah Lek ketika dihubungi mengesahkan akan menghadiri majlis itu, tetapi percaya Dr Mahathir tidak akan membuat sebarang pengumuman berkisar kepada politik MCA kerana ia `majlis pendidikan'.

Kira-kira 30,000 orang dijangka menghadiri majlis itu. Pelbagai acara diadakan termasuk deklamasi puisi yang ditujukan khas kepada Perdana Menteri.